



Bangunan asrama (kiri) dan bilik kuliah sudah siap dibina.

## Tak cukup **RM1.3 juta lagi**

Dana diperlukan bagi siapkan beberapa blok bangunan untuk keperluan pelajar Pondok Tahfiz Masjid Al Azim

**KELANANG** - Pondok Tahfiz Masjid Al Azim, Kampung Kelanang memohon bantuan sekurang-kurangnya RM1.3 juta bagi menyiapkan beberapa blok bangunan bagi keperluan pelajar tahfiz yang dijangka membuat pendaftaran kemasukan pertama, Julai ini.

Pengasasnya, Mustakim Md Din berkata, bantuan dimohon merangkumi bilik kuliah, asrama, rumah guru, dewan makan dan beberapa blok yang masih dalam perancangan.

Menurutnya, berdasarkan cadangan awal, pihak pengurusan hanya mahu membina bangunan dua tingkat namun perancangan diubah selepas menerima wakaf tanah seluas 0.4 hektar.

"Sekarang kita berjaya kumpul kira-kira RM400,000, dengan peruntukan itu kita dapat siapkan sebuah asrama dan sebuah bilik kuliah.

"Pihak kami harap sangat dengan bantuan yang diterima kelak, bangunan lain dapat disiapkan segera", katanya.



Mustakim ketika melihat kerja-kerja pembinaan rumah guru pondok terbabit. Gambar kecil: Mustakim.



Bilik kuliah yang bakal digunakan 60 pelajar, Julai ini.



Antara blok-blok bangunan yang tidak dapat disiapkan berikutan kekurangan dana.

### Terpaksa had kemasukan pelajar

Mustakim berkata, buat masa ini, pihaknya terpaksa mengehendakkan pendaftaran pelajar seramai 60 orang berumur tujuh hingga 17 tahun mengikut beberapa tapisan.

"Buat permulaan, kami ambil 60 pelajar sahaja. Jika ada dana lebih barulah kami akan bina bangunan lagi sekaligus menambah pengambilan pelajar", katanya.

"Ramai anak-anak yang berminat nak belajar di pondok tahfiz ni, untuk itu pihak kami adakan pendedahan mengenai pengajian al-Quran setiap hujung minggu. Dari situ kami pilih calon yang benar-benar layak untuk mengisi

kekosongan 60 pelajar itu", katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* pernah melaporkan upacara majlis pecah tanah bagi pembinaan pondok berkenaan pada 2014 di mana ia dijangkakan siap sekiranya dana mencukupi.

Namun setelah dua tahun, projek berkenaan baru dapat digerakkan melalui dana dan sumbangan pelbagai pihak termasuk syarikat korporat dan individu tetapi difahamkan masih tidak mencukupi.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh berbuat demikian menerusi akaun Bank Islam bernombor 12074010058968 atas nama Tabung Pondok Tahfiz Masjid Al Azim Kelanang.